

NO. SOALAN : 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [ BALING ]**

**TARIKH : 25 JULAI 2017**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam menjaga warisan negara. Di Baling terdapat Galeri Putra tempat berlakunya Perjanjian Baling 1955 di antara Tunku Abdul Rahman dengan Chin Peng terpaksa ditutup atas faktor keselamatan kerana tiada penyelenggaraan daripada pihak berwajib.

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ  
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) telah mengambil segala usaha untuk menjaga warisan negara. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) mewartakan tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) seperti Bangunan Sultan Abdul Samad di Kuala Lumpur, Masjid Ubudiah di Kuala Kangsar dan lain-lain;
- (ii) menyediakan Pelan Pengurusan Pemeliharaan seperti Pelan Pengurusan Pemeliharaan Warisan Dunia Arkeologi Lembah Lenggong dan Pelan Pengurusan Pemeliharaan Tapak Warisan Dunia Melaka serta George Town;
- (iii) melaksanakan kerja-kerja konservasi bangunan dan tapak seperti Rumah Penghulu Mat Natar di Merlimau, Melaka, Bangunan HSBC Melaka dan lain-lain;
- (iv) mengangkat warisan yang memenuhi kriteria untuk pengiktirafan antarabangsa terutama sekali di bawah UNESCO seperti Tapak Warisan Dunia Lembah Lenggong dan Bandar Warisan Dunia Melaka serta George Town; dan

- (v) melaksanakan program-program kesedaran kepada masyarakat umum seperti Jejak Warisan dan Semarak Warisan.

Tuan Yang di-Pertua,

Galeri Putra di Sekolah Kebangsaan Tunku Putra, Baling, Kedah tidak terletak di bawah Kementerian ini. Ia dibangunkan atas inisiatif pihak sekolah sendiri. Walau bagaimanapun, Kementerian ini melalui JWN pernah menjalankan kerja-kerja konservasi baik pulih bangunan Galeri Putra ini pada tahun 2007 dengan kos sebanyak RM133,550. JWN juga telah mewartakan sekolah ini pada tahun 2016 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] bagi tujuan pemuliharaan, pemeliharaan dan perlindungan.

Selain itu, Kementerian ini melalui Arkib Negara Malaysia pernah melaksanakan beberapa langkah/aktiviti pendokumentasian berkaitan Peristiwa Perundingan Baling 1955 seperti berikut:

- (i) Pendokumentasian Sekolah Kebangsaan Tunku Putra, iaitu lokasi di mana Peristiwa Perundingan Baling ini dijalankan;
- (ii) Pameran Rundingan Baling 1955 dari 9 Ogos hingga 9 September 1994; dan
- (iii) Majlis Pengkisahan Sejarah Rundingan Baling pada 26 Ogos 2000 di Baling, Kedah.

Sekian, terima kasih.